

# TPU sedia kemudahan penyelidikan pertanian

TAMAN Pertanian Universiti ini hari menyediakan peningkatan pertanian dan mempromosikan kesedaran pertanian secara ke-

TAMAN Pertanian Universiti (TPU), Universiti Putra Malaysia (UPM) akan memperbanyak kemudahan bagi menyediakan khidmat sokongan untuk penyelidikan lapangan.

Pengarahnya, Prof Madya Dr Sheikh Awadz Abdullah, berkata TPU akan mewujudkan kawasan khas bagi pengurusan tanaman, penjagaan harian tanaman dan amalan kultural bagi kegunaan pelajar universiti itu.

Katanya, pelajar peringkat ijazah sarjana muda Fakulti Pertanian UPM kini diwajibkan menjalani latihan praktikal dan peranan TPU ialah membantu menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran di lapangan.

Selain itu, katanya, kemudahan infrastruktur dan peralatan dalam kawasan TPU terbuka kepada pelajar pasca siswazah, ia

itu bagi penyelidikan peringkat sarjana dan kedoktoran (PhD).

"Ketika ini, TPU dalam proses menyempurnakan kawasan pengurusan ternakan dan haiwan terutama bagi ternakan ruminen (ruminant), iaitu lembu tenusu dan daging, rusa dan kuda.

"Kita juga akan melengkapkan lagi kemudahan di ladang getah, kelapa sawit, koko, kelapa, kopi dan teh tanah pamah.

"Tahun ini, TPU akan menubuhkan Putra Dairi, iaitu kawasan pengeluaran susu segar, Pusat Penetasan (kawasan penetasan ikan sangkar dan ikan akuakultur) dan Pusat Unggas," katanya ketika ditemui di Serdang, Selangor.

Dr Sheikh Awadz berkata, semua kemudahan fizikal itu akan menyediakan pelajar dengan peluang mendapat pengalaman secara 'hands on' dalam bidang

pertanian dan penternakan.

Kemudahan itu, katanya, akan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar UPM dalam sistem pengeluaran dan penyelidikan pertanian serta biosumber.

"Pembangunan ini akan meningkatkan keupayaan UPM sebagai pusat pengajaran dan perkhidmatan pertanian serta biosumber terkemuka di rantau ini.

"Tahun lalu, TPU membelanjakan kira-kira RM200,000 untuk menanam rumput di padang ragut untuk lembu dan kerbau. Kawasan ini menjadi padang ragut tropika lengkap dengan pagar paddock," katanya.

Dr Sheikh Awadz berkata, TPU juga akan menubuhkan Bahagian Usahawan Tani Berteknologi Tinggi bagi melahirkan lebih ramai usahawan yang menjalan-

kan operasi pertanian secara komersial.

Katanya, bahagian itu akan mempunyai pusat inkubator bagi membantu bakal usahawan memulakan perniagaan mereka dalam kawasan TPU.

Beliau berkata, pakar teknologi pertanian TPU akan membantu usahawan berkenaan hingga berjaya dan berdikari serta mengembangkan perniagaan mereka di luar TPU.

Katanya, usahawan berkenaan akan dilatih hingga muncul sebagai pekerja berpengetahuan bagi membangunkan pertanian sebagai enjin pertumbuhan ketiga negara.

“Selain itu, TPU diberi tanggungjawab bagi memajukan Ladang Puchong seluas 160 hektar di Jalan Puchong, Selangor sebagai Kompleks Penyelidikan UPM.



**DR SHEIKH AWADZ** berlatar belakang TPU di Serdang, Selangor yang akan dibuka kepada orang ramai sebagai tempat rekreasi menjelang 2005.